

# TikTok Shop Live Hub perkasa kemahiran e-dagang PMKS

**Iskandar Dzulkifli**

PENAMPANG: TikTok Shop Live Hub yang pertama di Malaysia kini secara rasminya dilancarkan dan bakal memberi manfaat kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Sabah.

Kemudahan yang terletak di Pejabat Tekun Nasional Cawangan Penampang itu dirasmikan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop), Datuk Ewon Benedick.

TikTok Shop Live Hub adalah hasil kolaborasi strategik TikTok Malaysia dan Tekun Nasional yang antara lain bertujuan memperkasa PMKS di Sabah melalui platform e-dagang.

Ewon berkata, fasiliti TikTok Shop Live Hub di Penampang dilengkapi dua buah studio dan kemudahan yang memenuhi keperluan penstriman jualan secara langsung dengan sokongan trafik oleh TikTok Malaysia.

Tambahnya, pihaknya juga akan mewujudkan 12 buah kemudahan sama tahun ini di enam negeri iaitu Sarawak, Pulau Pinang, Johor, Kelantan dan Kuala Lumpur yang telah siap, baru-baru ini.

"Ini bagi memastikan usahawan PMKS mempunyai platform tambahan untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui pasaran ekonomi digital tanpa perlu kos sewa kedai atau premis jualan.

"Pada masa sama, membantu mereka menjangkau pasaran lebih luas, sekaligus menjadi pemangkin kepada pertumbuhan perniagaan digital tempatan khususnya di Sabah," katanya pada Ahad.

Hadir sama Pengarah Kerjasama Strategik TikTok Malaysia, Nur Azre Abdul Aziz dan Pengerusi Tekun Nasional, Dato' Ab-



EWON meninjau sesi jualan secara 'live' oleh PMKS pada majlis itu.

dullah Sani Abdul Hamid.

Ewon berkata, pihaknya bercadang membina fasiliti sama terutamanya di Sabah di beberapa kawasan lainnya namun akan membuat penilaian terlebih dulu terhadap keberkesanan kemudahan sedia ada.

Katanya, sekiranya TikTok Shop Live Hub sedia ada mencapai matlamat ditetapkan dan turut mendapat permintaan, pihaknya akan berusaha mewujudkan fasiliti seumpamanya di kawasan terbatit.

"Kita akan buat penilaian kepada studio ini kalau diperlukan lebih banyak, kita akan ikhtiarakan terutama dalam rancangan Malaysia ke-13 nanti, kerana sudah menjadi tanggungjawab kerajaan mem-

bantu rakyat," katanya.

Mengulas lanjut, Ewon berkata, usahawan PMKS Tekun Nasional perlu memanfaatkan fasiliti itu untuk menjana pendapatan lebih tinggi dengan hanya kos sewaan RM25 bagi setiap sesi selama dua jam.

Katanya, bagi peniaga PMKS yang bukan di bawah Tekun Nasional, kadar sewaannya RM50 setiap sesi dan jumlah itu jauh lebih kecil berbanding sewaan premis kedai yang mencecah ribuan ringgit setiap bulan.

"Kos yang sangat minima berbanding menyewa premis yang sudah tentu satu bulan mereka berbelanja mungkin lebih RM1,000 ke RM2,000 atau lebih tetapi dengan studio ini dengan kadar minima,

mereka boleh jual produk mereka setiap hari.

"Dengan satu sesi 'live' selama dua jam, mereka dapat raih pendapatan lebih banyak dan tadi pun ada peniaga PMKS yang sudah cecah ratusan ribu jualannya sepanjang dia berada di live studio di TikTok ini.

"Justeru, saya seru semua peniaga PMKS di Sabah memanfaatkan fasiliti ini sebagai premis alternatif bagi memasarkan produk, sekaligus membangunkan perniagaan mereka di dunia digital," katanya.

Sementara itu, Nur Azre berkata, TikTok Malaysia telah melabur RM3 juta untuk membangunkan operasi TikTok Shop LIVE Hub itu di negara ini bagi memberi manfaat kepada semua PMKS menjana pendapatan baru melalui 'Shoppertainment'.

Katanya, pihaknya turut menyediakan program latihan dan sokongan teknikal kepada PMKS agar mereka memahami sepenuhnya potensi e-dagang dan strategik pemasaran diperlukan untuk berjaya dalam platform digital.

"Kami juga menyediakan satu bengkel bagi usahawan PMKS yang tidak berkesempatan guna perkhidmatan fasiliti ini, kami akan bantu menerusi 'live host' kami untuk jualkan produk mereka.

"Apa yang perlu mereka buat hanya beri sample produk kepada kami selepas itu dan 'post' produk mereka kepada pelanggan yang membuat belian di 'live' sebelum ini.

"Bengkel ini tidak terhad kepada PMKS Tekun Nasional saja tetapi terbuka buat semua usahawan di Sabah yang ada produk dan mahu membangunkan perniagaan mereka melalui ekonomi digital," katanya.